From: Jabatan Komunikasi Korporat
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: DELEGASI UUM KE PUSAT INOVASI AI HUAWEI, TEROKA POTENSI TEKNOLOGI KECERDASAN BUATAN
Date: Wednesday, 2 September, 2026 8:05:14 AM
Attachments: image002.png
image003.png

Jabatan Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION DEPARTMENT
Universiti Utara Malaysia

UUM TODAY

UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA | THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY

2 SEPTEMBER 2026 / 20 RABIULAWAL 1448H
==========

Oleh: Kori Ariff
Gambar oleh: Delegasi UUM

DELEGASI UUM KE PUSAT INOVASI AI HUAWEI, TEROKA POTENSI TEKNOLOGI KECERDASAN BUATAN



UUM ONLINE: Delegasi Universiti Utara Malaysia (UUM) yang diketuai oleh Naib Canselor, Prof. Dr. Ahmad Martadha Mohamed telah mengadakan kunjungan hormat ke Pusat Inovasi AI Huawei di Exchange 106 TR, semalam.

Kunjungan strategik ini bertujuan untuk meneroka secara lebih mendalam berkaitan teknologi kecerdasan buatan (AI) serta inisiatif penambahbaikan yang boleh diterokai secara bersama bagi memacu pembangunan dan kemajuan universiti.



Turut serta dalam lawatan kerja ini adalah pasukan pengurusan dari Jabatan Bendahari, Jabatan Pembangunan dan Pengurusan Infrastruktur (JPPI), Jabatan Hal Ehwal Akademik (HEA) serta UUM Information Technology (UUMIT).

Kehadiran delegasi UUM telah disambut mesra oleh barisan wakil pengurusan Huawei dan dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh Pengarah Akaun Sektor Kerajaan Huawei, Mr. Tony Zhang.



Fokus utama perbincangan dan tinjauan dalam lawatan ini terarah kepada beberapa elemen penting yang relevan dengan pemodenan kampus iaitu pelaksanaan bilik darjah pintar (smart classroom), inisiatif penjimatan tenaga (energy saving), pembangunan sistem keselamatan kampus pintar dan bersepadu (integrated and smart security campus system), serta program pembangunan bakat (talents development) yang disasarkan untuk pemerkasaan pelajar dan staf UUM.

Selain itu, delegasi turut dibawa melawat sekitar fasiliti Pusat Inovasi AI Huawei oleh Pakar Penyelesaian Vertikal Huawei, Tyler Shun yang berkongsi pelbagai inovasi teknologi terkini.



Beliau juga telah menyampaikan satu sesi perkongsian ilmu bertajuk *'Developing AI Talent for an Intelligent World: Connecting Education, Industry, and Innovation'* bagi memberikan gambaran jelas tentang keperluan menghubungkan ekosistem pendidikan dengan industri.

Kunjungan hormat ini diharap dapat membuka peluang kerjasama yang lebih erat antara UUM dan Huawei dalam merangka dan merealisasikan aspirasi pendigitalan kampus pintar, seterusnya meletakkan UUM di landasan yang tepat seiring dengan revolusi teknologi global.

UUM OFFICIAL
uumtoday.com Universiti Utara Malaysia uumofficial uumnews uumtube uuminfo uumofficial
ukkuum@uum.edu.my 04-928 3039 | 3040 | 3043 | 3097 | 3056

Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.